

Kemajuan ICT pupuk budaya siber

Prasarana harus diguna optimum ke arah pembentukan masyarakat lebih maju

B.H 21/05/08 M/S 8



KETIKA ini kita berada dalam dunia tanpa sempadan. Maknanya, sistem perhubungan dan saluran maklumat menjadi semakin mudah dan santai. Kita boleh membaca e-mel atau melayari alam siber di atas katil dengan kemudahan tanpa wayar. Menerusi teknologi SMS membolehkan kita berkomunikasi lebih berkesan, padat dan murah.

Dalam hal ini, inisiatif kerajaan Malaysia memang diakui peringkat antarabangsa menerusi dasar ICT mendepani saingan dan proaktif. Pada pertengahan 1990-an, Koridor Raya Multimedia (MSC) dimulakan sebagai institusi seumpamanya terawal di dunia. Begitu juga dengan undang-undang siber, e-kerajaan dan pelbagai inisiatif lain diterajui Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).

Dengan latar belakang itu, imej Malaysia disegani bukan saja sebagai pengguna ICT bahkan salah sebuah negara penyumbang yang semakin berperanan. Dan pada minggu ini, Malaysia menjadi tuan rumah menganjurkan Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT 2008).

Persidangan itu tidak seharusnya dinilai dari segi pengisian program dan senarai tokoh termasuklah Bill Gates saja, bahkan ia berkesan dalam usaha mempromosi Malaysia sebagai hab pembangunan ICT dari segi pembangunan sistem, perisian dan perkakasan.

Memang ICT sudah menjadi suatu kemudahan awam masyarakat alaf baru. Ke-

tika ini sesuatu kawasan perumahan atau kampus akan turut dinilai dari segi penyediaan prasarana ICT seperti kelajuan dan keupayaan kemudahan tanpa wayar, sistem portal, e-perustakaan, e-perolehan, e-pembelajaran dan e-pengurusan. Malah sudah ramai pengguna memerlukan sistem bersepadu antara kemudahan konvensional dalam sistem komputer berpusat, portal dan kemudahan telefon bimbit.

Dengan kata lain, sumber maklumat menjadi semakin mudah, murah, bergaya dan pelbagai. Sebagai contoh, kita boleh membaca semua akhbar harian tempatan, akhbar harian utama di Amerika Syarikat, Britain dan Indonesia menerusi internet setiap hari tanpa perlu membayar langganan dengan hanya melayari dunia siber.

Malah kita juga boleh mendapat pelbagai laporan terkini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau Senat Amerika Syarikat secara dalam talian sebaik saja diumumkan. Inikan dunia tanpa sempadan!

Pada hemat saya, teknologi penyediaan maklumat dalam talian bukan lagi suatu kejangkan. Dengan kemudahan perisian PDF maka saiz fail dapat dikesutikan hampir 80 peratus.

Seiring dengan perkembangan itu, inisiatif menjadikan Malaysia lebih telus dan demokratik semakin menyerlah, apatah lagi selepas pilihan raya umum ke-12. Setiap lapisan masyarakat berhajat kepada maklumat dan berita sahih yang lengkap. Begitu juga dengan dasar dan prosedur dalam segala aspek.

Dalam situasi ini, ICT memainkan peranan semakin penting. Instrumen itu bukan saja menjadi media penghubung cara baru menggantikan saluran komunikasi konvensional seperti media elektronik dan bercetak, bahkan menjadi penggerak ke-

pada budaya baru berasaskan siber.

Budaya siber ialah gaya, cara dan kaedah hidup baru menggunakan pelbagai kemudahan ICT – komputer riba, 3G, internet, blog dan sebagainya – untuk berkomunikasi, mendapat maklumat, menggali sumber, mempromosi diri dan produk, memperkaya wacana dan memperkenalkan idea secara terbuka dan telus.

Perlu dijelaskan bahawa generasi muda – termasuklah mereka yang hampir seusia dengan saya – menggunakan internet lebih daripada sekadar saluran maklumat dan komputer peribadi sebagai alat menaip. Hampir seluruh aktiviti hidup diasaskan kepada kemudahan ICT.

Sehubungan itu, inisiatif e-kerajaan, e-kampus, e-alam dan sebagainya perlu juga bergerak seiring dengan keperluan semasa. Dalam konteks pengurusan alam sekitar misalnya, peranan dan pembudayaan ICT masih banyak perlu dimajukan. Dan pada hemat saya, banyak akta dan peraturan semasa tidak lagi relevan dan perlu dirombak selari dengan kemajuan ICT.

Sebagai contoh, banyak laporan yang perlu dirujuk atau diumumkan untuk mendapat pandangan orang ramai masih lagi dipamerkan dalam bentuk dokumen bercetak, misalnya laporan terperinci kajian impak alam sekitar (DEIA) dan laporan perancangan struktur sesebuah bandar.

Amalan yang dilaksanakan lebih 20 tahun itu menyebabkan pihak prihatin terpaksa pergi perpustakaan agensi berkenaan untuk membaca dokumen itu dan tidak pula boleh dicetak semula untuk disemak secara teliti pada situasi lebih santai.

Bukankah lebih efisien dan murah jika laporan itu dimuatkan dalam laman web agensi berkenaan? Bukankah pihak prihatin akan lebih mudah mengemukakan pandangan jika laporan berkenaan diolah

supaya lebih mesra pembaca dalam bentuk portal?

Sementara itu, banyak laporan dan dokumen kajian yang dilakukan pelbagai agensi terperap dalam stor atau rak buku. Sekadar makluman, di negara maju, semua laporan yang dibiayai dana awam mesti dihebahkan, kecuali laporan sulit berkaitan keselamatan negara atau kes mahkamah. Hebahkan itu semakin mudah dan murah dengan adanya portal agensi yang terurus dan diselenggarakan dengan efisien.

Ketika ini banyak kajian terpaksa dilakukan semula sama ada disedari atau sebaliknya kerana banyak agensi tidak menghebahkan hasil kajian atau laporan masing-masing. Selain itu, kajian lanjut boleh dilakukan oleh pihak prihatin, khususnya komuniti saintifik di pusat pengajian tinggi yang kemudian boleh dijadikan sumber untuk diterbitkan dalam bentuk buku atau makalah.

Selain itu, laporan juga boleh dijadikan kajian kes untuk tujuan pembelajaran. Ketika ini kes-kes yang disorot dalam kuliah atau wacana ilmiah pengajian tinggi khususnya dalam bidang sains dan teknologi tidak banyak berorientasi kes tempatan kerana kekurangan maklumat dan sindrom 'rahsia dan maklumat sulit' diamalkan di kalangan agensi awam.

Dalam hal ini, prasarana ICT canggih seharusnya digunakan secara optimum ke arah pembentukan masyarakat Malaysia lebih maju dan lestari, sekali gus membina budaya siber berasaskan maklumat tepat, padat dan bermanfaat.

Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM dan pernah memenangi anugerah khas ICT bagi produk penyelidikan 2006